



TALKING POINTS YB SENATOR TAN SRI DATO' HJ. MUHAMMAD BIN HJ. MUHAMMAD TAIB

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG, KHIDMAT LAMA DAN
MERAIKAN PESARA RISDA 2007**

TEMPAT: DEWAN SULTAN AHMAD SHAH
TARIKH: 6 SEPTEMBER 2007
MASA: 9.30 PAGI

- Yang Berusaha Saudara & Saudari Pengacara Majlis
- Yang Berbahagia Ahli-Ahli Pihak Berkuasa RISDA
- Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat bin Hasan
Ketua Pengarah RISDA
- Y.Bhg. Encik Ali Nordin Bin Wahiduddin,
Tim. Ketua Pengarah (Pembangunan)
- Y.Bhg. Dato' Ramli Bin Mohd Kassim,
Tim. Ketua Pengarah (Pengurusan)
- Yg. Dihormati Tn. Hj. Wan Zuki bin Wan Mohammad,
Pengarah Bahagian Pentadbiran merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Majlis Khidmat Cemerlang, Khidmat Lama
dan Meraikan Pesara RISDA 2007

- Pengarah-Pengarah Bahagian
- Pengarah-Pengarah RISDA Negeri,
- Pengurus-Pengurus Besar Anak Syarikat
- Yang Diraikan Penerima-penerima Anugerah Khidmat Cemerlang, Khidmat Lama dan Pesara-pesara RISDA serta suami/isteri,
- Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t,

1. ALHAMDULILLAH, sekali lagi kita dapat berkumpul pada pagi ini sempena **Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang, Khidmat Lama dan Meraikan Pesara RISDA 2007** pada hari ini.. Marilah kita memanjatkan kesyukuran kita ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia dan dengan izinNya jua dapat kita berada di sini bersama-sama berhimpun dalam keadaan selesa dan diberi kesihatan serta kesejahteraan.

2. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Pihak Berkuasa RISDA yang sudi meluangkan masa hadir bersama-sama kita pada hari ini. Komitmen dan semangat keprihatinan amat dihargai.

3. Tahniah kepada RISDA kerana berjaya menganjurkan Majlis ini yang memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada penerima-penerima Khidmat Cemerlang, Khidmat Lama dan Meraikan Pesara-pesara RISDA. Pengurusan RISDA amat prihatin ke arah kecemerlangan dalam perkhidmatan Awam dan adakan Majlis ini sebagai event tahunan yang begitu bermakna kepada warga RISDA.

4. Penerima Anugerah Khidmat Cemerlang – 54 orang
Penerima Anugerah Khidmat Lama(25 tahun) – 61 orang
Pesara RISDA (September 2006 – Ogos 2007) – 195 orang
iaitu 89 orang Pesara Wajib dan 105 orang Pesara Pilihan

5. Usaha Kerajaan untuk menanamkan amalan peningkatan kualiti dalam perkhidmatan awam telah bermula 16 tahun lalu iaitu bermula tahun 1991. Seruan ini telah diberi perhatian untuk menjadikan perkhidmatan awam lebih cekap, mantap dan berkualiti. Kita perlu memberi penekanan terhadap perkhidmatan dan produk yang lebih bermutu tinggi

dan tumpuan kepada kumpulan sasar kita iaitu pekebun kecil.

6. Saya ingin mengajak warga RISDA secara keseluruhannya untuk merenung sejenak menilai apa yang telah kita lakukan sepanjang tahun lepas yang dapat membantu para pekebun kecil meningkatkan pendapatan mereka? Adakah apa yang kita lakukan setakat ini cukup untuk menolong mereka mencapai kemajuan dalam hidup? Sempena Majlis ini marilah kita sama-sama berfikir dan **bermuhasabah diri serta memperbaharui tekad dan azam** kita untuk

menaikkan taraf hidup para pekebun kecil ke tahap yang lebih baik. Semoga Allah S.W.T akan memberi taufik dan hidayatnya kepada kita sekalian dalam segala usaha yang kita laksanakan.

7. Hakikatnya apa yang telah kita capai sepanjang tahun lepas hanyalah landasan kepada apa yang perlu dan mampu kita capai untuk tempoh yang akan datang jika kita berhasrat ingin meningkatkan lagi taraf, kualiti dan kemakmuran hidup semua pekebun kecil. Namun begitu sektor pekebun kecil masih dibelenggu pelbagai masalah yang memerlukan RISDA selaku

agensi yang bertanggungjawab merancang dan merangka strategi untuk membantu mereka. Untuk itu usaha-usaha berterusan mesti dilaksanakan untuk memperkasa dan menambah baik keberkesanan.

8. Selaras dengan usaha itu juga, semua pegawai dan anggota RISDA akan dipastikan untuk melaksanakan tugas dengan lebih cekap, amanah dan bertanggungjawab serta sentiasa menjaga **imej perkhidmatan RISDA**.

9. **Disiplin diri** serta berbudi bahasa dan berbudaya seperti mana yang disarankan oleh Kerajaan perlu kita terapkan dan amalkan dalam budaya kerja di RISDA serta dalam kehidupan kita seharian. Disiplin yang tinggi dalam setiap anggota merupakan aset penting dalam sesebuah organisasi. Ia merupakan salah satu aspek yang penting dalam usaha kita membangunkan RISDA. Dalam menjalani kehidupan sebagai makhluk Allah S.W.T seharusnya kita **bekerja seikhlas mungkin** agar semua hasil kerja yang kita perolehi mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.

10. Kepada Penerima Anugerah Khidmat Cemerlang, Syabas dan Tahniah saya ucapkan.